

PELUASAN KONSEP ASNAF MUALAF ZAKAT



DISEDIAKAN OLEH

**PROF MADYA TUTASTING @ RAWI NORDIN
ABDULLAH HAJI SAID
ABDUL GHAFAR BIN BABA
PROF MADYA DR HASAN BAHROM
NOORMALA BINTI RABU**

MAC 2010

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha mendapatkan maklumat berhubungan dengan peluasan konsep asnaf zakat mualaf dalam konteks Malaysia. Usaha ke arah peluasan konsep mualaf ini tidak lari dari maksud memelihara *maqasid syariyyah* yang menjadi faktor pemangkin dalam konteks dakwah Islam bagi kebajikan umat Islam khususnya dan rahmat kepada umat manusia seluruhnya. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah pelbagai sumber iaitu kajian perpustakaan, seminar, tinjauan dan menemu-bual mereka yang pakar dan berautoriti dalam bidang zakat. Seramai 36 orang responden terlibat dalam kajian terdiri daripada 8 Jabatan Mufti, 6 Majlis Agama/ Baitulmal, 14 Pusat Pungutan Zakat dan 8 ahli akademik dan tokoh zakat.

Data yang diperolehi telah menjawab objektif kajian. Pertama, mengenalpasti terdapat dua tafsiran mengenai konsep mualaf iaitu pertamanya tertumpu kepada golongan yang baru memeluk agama Islam dan kedua merangkumi juga kepada orang yang masih belum beragama Islam. Di samping itu telah ada fatwa mengenai konsep mualaf yang merujuk kepada tafsiran di atas, tetapi status fatwa tersebut tidak diwartakan. Kedua, Peluasan konsep mualaf kepada bukan Islam telah dilaksanakan oleh beberapa pusat zakat negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Kelantan. Ketiga, Majoriti responden yang ditemui bersetuju asnaf mualaf itu diperluaskan konsepnya bukan sahaja kepada orang yang baru memeluk Islam tetapi juga kepada belum Islam. Ini bertepatan dengan Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan tahun 2007 mengenai konsep mualaf hendaklah diterima dan diwartakan bagi setiap negeri di Malaysia untuk tujuan dakwah. Justru itu dicadangkan juga supaya peruntukan enakmen negeri-negeri perlu memperluaskan konsep mualaf kepada yang belum memeluk Islam dan diharapkan keislamannya. Selain itu bagi memastikan golongan mualaf terpelihara dari sudut *maqasid syariyyah*, institusi yang bertanggungjawab perlu merangka modul pengajian asas agama yang komprehensif. Manakala Program-program pementapan mualaf memerlukan sinergi antara institusi-institusi terlibat serta pelaksanaannya perlu pemantauan yang berterusan.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
SURAT TAWARAN	ii
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	v
DAFTAR AHLI PENYELIDIK	vi
PENGHARGAAN	vii
ABSTRAK	viii
<i>ABSTRACT</i>	vix
KANDUNGAN	x
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB SATU

PENGENALAN

1.-1	Pendahuluan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Skop Kajian	4
1.4	Definisi Terma	4
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Kerangka Kajian (Teoritikal Frame Work)	6

BAB DUA
ULASAN KARYA

KANDUNGAN	HALAMAN
2.-1 Pendahuluan	7
2.1 Konsep al-Mualaf Menurut al-Qur'an	8
2.2 Konsep al-Mualaf Menurut al-Sunnah	12
2.3 Konsep al-Mualaf Menurut Pandangan Ulama'	13
2.4 Konsep al-Mualaf Menurut Pandangan Semasa	22
2.5 Takrifan Asnaf Mualaf Menurut Enakmen Agama Islam Negeri-Negeri	28

BAB TIGA
METODOLOGI KAJIAN

3.-1 Pendahuluan	36
3.1 Data	36
3.1.1. Data Primer	36
3.1.2. Data Sekunder	42

BAB SATU

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Islam telah menentukan agihan dana zakat kepada lapan golongan (asnaf) sebagaimana maksud firman Allah S.W.T. dalam surah taubah ayat 60) “*Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*”.

Perbincangan mengenai asnaf zakat terutama kategori *al-Mualaf* dan *al-Riqab* banyak dilakukan oleh para sarjana khususnya di zaman-zaman mutakhir ini. Wahbah Zuhairi (1994:954) dalam tulisannya *Fiqh dan Perundangan* (terj.) telah membahagikan asnaf muallaf itu kepada Islam dan kafir. Demikian juga pandangan Yusof al-Qardawi melalui kitabnya *Fiq al-Zakah* (1999:547) telah memperluaskan maksud *al-Mualaf* itu kepada orang yang baru memeluk agama Islam, orang jahat, orang Islam dan orang-orang kafir, sama ada baik ataupun jahat.